

Kerajaan Selangor Belum Putuskan Pilihan Raya DUN Berasingan Atau Serentak Dengan PRU-13
Bernama
18 September, 2012

SHAH ALAM, 18 Sept (Bernama) -- Kerajaan Negeri Selangor belum membuat sebarang keputusan berhubung pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) secara serentak ataupun berasingan dengan pembubaran Parlimen oleh kerajaan Persekutuan bagi memberi laluan kepada pilihan raya umum ke-13 (PRU-13).

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata perancangan untuk membuat pilihan raya DUN berasingan atau serentak dengan PRU-13 merupakan strategi kerajaan negeri namun ini bergantung kepada pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam menentukan tarikh PRU-13.

"Kita tak tahu tarikh pilihan raya yang sebenar...ini adalah jawapan kepada spekulasi, ada baiknya pilihan raya berasingan dan ada baiknya pilihan raya di buat secara bersama...perbincangan ini berdasarkan spekulasi (berhubung tarikh pilihan raya) dan strategi bagaimana kita mahu menghadapinya," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini yang mengumumkan pendiriannya bahawa Selangor tidak akan mengadakan pilihan raya negeri serentak dengan negeri-negeri lain pada PRU-13.

Anwar, yang juga anggota Parlimen Kepala Batas turut menjangkakan PRU-13 diadakan November berpandukan isyarat yang semakin jelas ditunjukkan oleh Perdana Menteri.

Abdul Khalid berkata sebab utama kerajaan negeri belum membuat keputusan untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri (Dun) secara serentak atau tidak adalah kerana pihaknya mahu memastikan pengundi dalam daftar pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) benar-benar bersih.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=695449>